

Kerjasama Y.Bhg. Dato'/ Prof./ Dr./ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dan salam hormat.

"BERKHIDMAT UNTUK AGAMA, BANGSA DAN NEGARA"
"ILMU BUDI BAKTI"

Saya yang menurut perintah



BAHARUDIN YAACOB
Pengarah Jabatan Canselori
b.p. Naib Canselor

- s.k - Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustafa Ishak
Naib Canselor UUM
- Pendaftar, Jabatan Pendaftar



**IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)**

Pemohon-pemohon adalah dipelawa daripada kakitangan Akademik Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mengisi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**. Maklumat jawatan tersebut adalah seperti berikut :

1. **Jawatan** : Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. **Gred** : Gred Utama B (VU6)
3. **Tangga Gaji** : RM 7,788.05 hingga RM12,201.84
4. **Taraf Lantikan** : Tukar Sementara/ Pinjaman/ Kontrak
5. **Tempoh Lantikan** : Tiga (3) tahun (Tertakluk kepada keputusan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia)
6. **Kelayakan** : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Prof. Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berkebolehan memimpin dan mengurus Jabatan Hal Ehwal Pelajar.
7. **Kriteria Lantikan** :
 - a) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang dan dihormati;
 - b) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;
 - c) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang dibawah kepimpinanannya;
 - d) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan Negara;
 - e) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik dan berhemah;
 - f) mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara secara keseluruhan; dan
 - g) Penentuan kebolehan dalam kriteria ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh Lembaga Pengarah Universiti.

8. Kriteria Khusus : Kriteria khusus jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut :-
- a) Berkemampuan menguruskan urusan berkaitan pembangunan dan hal ehwal pelajar;
 - b) Aktif dalam ko-kurikulum dan berpengetahuan dalam mereka bentuk dan melaksanakan ko-kurikulum bercredit serta program pembangunan pelajar secara holistik;
 - c) Penglibatan dalam jawatankuasa yang berkaitan hal ehwal pelajar;
 - d) Berpengalaman dalam menguruskan Dewan/ Kolej Penginapan Pelajar; dan
 - e) Mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan Alumni.
9. Cara memohon : Calon yang berminat perlu mengemukakan permohonan bersama-sama 'Curriculum Vitae' (CV) beserta gambar berukuran passport terkini dan dihantar kepada Naib Canselor, Universiti Utara Malaysia sebelum **30 Jun 2012**. Dokumen permohonan hendaklah mengandungi CV dan maklumat-maklumat asas berikut :-
- a) Latar belakang peribadi, keluarga, alamat surat menyurat, nombor telefon untuk dihubungi;
 - b) Latar belakang pendidikan dan kerjaya;
 - c) Anugerah dan hadiah yang berprestij yang diterima di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa;
 - d) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna kepada pembangunan Universiti dan Pendidikan Tinggi Negara;
 - e) Cadangan memajukan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sekiranya berjaya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); dan
 - f) Dua nama penyokong sebagai rujukan (*referee*).

10. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temubual.
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi:-
Encik Baharudin Yaacob
Pegarah
Jabatan Canselor
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok Kedah
No. Tel : 04-9283002 / 04-9283003 atau 019-4511451
Email : baha646@uum.edu.my
12. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada :-
**NAIB CANSELOR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**
13. Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Jun 2012**